



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

FACULTY OF SOCIAL SCIENCES AND
HUMANITIES

**UHMS 1182 PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN PROFESSIONAL
SEMESTER 1, 2020/2021**

TUGASAN REFLEKSI

SECTION: 29

KUMPULAN: 03

NAMA PELAJAR :

Nama	Matrik
AFIF HAZMIE ARSYAD BIN AGUS	A20EC0176
EDDIE WONG CHUNG PHENG	A20EC0031
KONG JIA ROU	A20EC0198
MADINA SURAYA BINTI ZHARIN	A20EC0203
NUR IRDINA ALIAH BINTI ABDUL WAHAB	A20EC0115
RADIN DAFINA BINTI RADIN ZULKAR NAIN	A20EC0135
VINCENT BOO EE KHAI	A20EC0231

DISERAHKAN KEPADA:
DR. FAIZAH MOHD FAKHRUDDIN

SKEMA PERMARKAHAN (DIISI OLEH PENSYARAH)

KRITERIA	MARKAH
KANDUNGAN	/13
SUSUNAN/STRUKTUR	/5
CARA PENULISAN	/2
TOTAL	/20

Tugasan Refleksi

Disediakan untuk

Dr. Faizah Mohd Fakhrudin
Sekolah Pembangunan Sumber Manusia & Psikologi,
Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan Universiti Teknologi
Malaysia

Disediakan oleh

Afif Hazmie Arsyad Bin Agus
Eddie Wong Chung Pheng
Kong Jia Rou
Madina Suraya Binti Zharin
Nur Irdina Aliah Binti Abdul Wahab
Radin Dafina Binti Radin Zulkar Nain
Vincent Boo Ee Khai

ISI KANDUNGAN

REFLEKSI.....	3
BAB 1: PENGENALAN ILMU ETIKA DAN PERADABAN.....	7
BAB 2: TEORI-TEORI ETIKA	8
BAB 3: ETIKA DALAM KEPELBAGAIAN TAMADUN: ISLAM & MELAYU	9
BAB 4: ETIKA DALAM KEPELBAGAIAN TAMADUN: CHINA, INDIAN & BARAT	11
BAB 5: KESEPADUAN NASIONAL.....	13
BAB 6: PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TIANG SERI ETIKA	16
& PERADABAN DI MALAYSIA	16
BAB 7: PENERAPAN ETIKA & PERADABAN DALAM BUDAYA	18
& KOMUNIKASI KONTEMPORARI	18
BAB 8: PERANAN ETIKA & PERADABAN MENDOKONG.....	20
TANGGUNGJAWAB SOSIAL	20
BAB 9: CABARAN KETERLESTARIAN ETIKA & PERADABAN.....	22

REFLEKSI

Apakah perasaan anda setelah mempelajari isu-isu yang dibincangkan di dalam subjek ‘Penghayatan Etika dan Peradaban’ ini?

RADIN DAFINA BINTI RADIN ZULKARNAIN

Subjek Penghayatan Etika dan Peradaban ini telah banyak membantu saya untuk berfikir dengan lebih matang dalam setiap situasi. Saya juga sedar betapa pentingnya pembelajaran ini supaya seseorang itu mempunyai etika dan adab dalam setiap perkara yang mereka lakukan. Saya berasa amat bersyukur apabila diberikan peluang untuk mempelajari subjek ini tambahan lagi dengan mendengar olahan dan cerita-cerita yang dikaitkan dengan tajuk kami daripada pensyarah kerana ia sedikit sebanyak telah membantu saya untuk menjadi seorang insan yang lebih bertanggungjawab dan beretika walau di mana saya berada.

KONG JIA ROU

Saya menyedari bahawa seorang yang dikatakan bijaksana bukan sahaja bijak dari segi ilmu pengetahuan dan kemahiran, maka seseorang itu juga mesti beretika dan beradab. Pemuda harapan bangsa pemuda tiang negara, sebagai seorang mahasiswa, saya mestilah sentiasa memegang teguh prinsip-prinsip dan nilai etika yang telah saya pelajari dalam subjek ini agar tidak menjadi beban negara.

NUR IRDINA ALIAH BINTI ABDUL WAHAB

Perasaan yang saya peroleh setelah mempelajari subjek ini ialah perasaan lebih bertanggungjawab, isu penghayatan etika dan peradaban masa kini, sudah pun hilang dalam diri masyarakat. Baru – baru ini, telah berlaku insiden seorang wanita memaki seorang pengawal keselamatan kerana disuruh memakai pelitup muka, hal ini jelas menunjukkan sifat kurangnya etika dalam diri wanita itu, dia haruslah menerima keadaan norma baharu yang

melanda seluruh dunia, demi menjaga kesihatan diri dan orang lain. Maka, dengan ilmu-ilmu yang telah saya pelajari dalam subjek ini telah menjadi kan saya lebih beretika dan menghayati apa itu etika dan adab supaya menjadi seorang matang dan rasional dalam apa jua keadaan. Saya juga dapat mempraktikkan tingkah laku yang sejajar dengan tatasusila dalam kehidupan masyarakat. Akhir sekali, saya berharap masyarakat pada masa akan datang lebih menyetengahkan isu etika dan peradaban ini agar dapat membentuk keharmonian, kesejahteraan, dan kedamaian hidup.

MADINA SURAYA BINTI ZHARIN

Setelah mempelajari subjek ini, saya lebih memahami tentang kepentingan etika di dalam kehidupan seharian. Setiap tamadun mempunyai nilai-nilai etika yang berbeza tetapi dengan tujuan yang sama iaitu mendorong manusia ke arah kebaikan. Selain itu, subjek ini juga menyedarkan saya bahawa pentingnya perpaduan di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum ini bagi membentuk sebuah negara yang aman dan harmoni. Sebagai rakyat Malaysia, amatlah penting bagi saya untuk memahami setiap intipati Perlembagaan Malaysia. Oleh itu, subjek ini telah memberi saya ruang untuk mempelajari dan memahaminya. Akhir sekali, saya berharap agar saya dapat mengamalkan apa yang telah saya pelajari ini dalam kehidupan seharian disamping menjadi seorang insan yang berguna.

EDDIE WONG CHUNG PHENG

Perasaan saya setelah mempelajari subjek 'Penghayatan Etika dan Peradaban' adalah saya berasa kagum dan saya akan sentiasa memeriksa perbuatan sendiri agar menjaga etika dan peradaban sendiri. Saya juga telah mempelajari banyak informasi dan pengetahuan yang baru melalui subjek ini. Contohnya, kita sebagai pelajar haruslah mengamalkan tanggungjawab sosial dengan menyiapkan setiap tugas yang diberi dan memahami apa yang telah diajar. Oleh itu, saya berharap agar saya dapat menjadi seorang pelajar yang bagus pada masa yang akan datang.

AFIF HAZMIE ARSYAD BIN AGUS

Subjek ini tanpa saya sedar telah memberi banyak pengajaran dan kemahiran yang saya tidak tahu perlu ada dalam diri seorang manusia. Antaranya ialah kita perlu sentiasa mengambil berat tentang orang lain selain daripada menjaga diri sendiri. Pensyarah saya banyak memberi contoh dan penjelasan bahawa tidak kira sesiapa pun manusia itu, kita perlu memberi pertolongan, bergaul, jangan pernah merendahkan dia dan lain-lain. Hal ini kerana agama Islam mengajar umatnya tentang apa yang kita beri, tuhan akan balas balik berpuluh kali ganda daripada harga pemberian kita itu. Perkara ini saya ingin kaitkan dengan pengalaman saya sendiri iaitu semasa saya kekurangan wang di dalam bank simpanan tetapi apabila terlihat sebuah iklan yang mengajak orang ramai untuk memberi sumbangan kepada golongan fakir dan miskin ketika bulan perpuasa bagi mereka yang beragama Islam. Saya

BAB 1: PENGENALAN ILMU ETIKA DAN PERADABAN

Berdasarkan bab 1 ini, terdapat banyak moral, nilai-nilai murni, kualiti serta kemahiran yang telah saya peroleh. Antaranya ialah kita mestilah sentiasa berbuat baik dengan orang lain. Berdasarkan falsafah Socrates, iaitu guru kepada Plato dan Aristotle, manusia yang baik ialah manusia yang kurang membuat masalah terhadap orang lain walaupun musuhnya sendiri.

Kemudian, kita mestilah sentiasa bersikap adil dan saksama. Prinsip ini perlulah diamalkan oleh seluruh manusia terutamanya di kalangan pemimpin kerana berdasarkan falsafah Socrates, pemimpin yang tidak berlaku adil merupakan pemimpin yang gagal. Sebagai contoh, dikala pandemik COVID-19 yang berlaku sekarang ini, para pemimpin perlulah menunjukkan tingkah laku yang baik dengan mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan supaya rakyat-rakyat yang lain dapat menjadikan ia sebagai contoh bagi membendung wabak yang masih menular dalam komuniti ini.

Selain itu, bab ini telah memberi banyak kesan yang positif kepada diri saya kerana saya lebih memahami maksud etika berdasarkan definisi-definisi yang dikemukakan dari pelbagai tamadun iaitu tamadun Barat, Islam, Cina dan juga India. Dari sudut psikologi pula, subjek ini telah membuka minda saya terhadap pentingnya untuk kita menghormati agama atau bangsa yang lain kerana rata-ratanya menerapkan prinsip yang sama iaitu menggalakkan semua manusia menjadi seorang yang beretika.

Akhir sekali, terdapat juga cabaran yang saya hadapi iaitu kekeliruan dalam membezakan definisi etika dari pelbagai sudut dan perspektif. Walaubagaimanapun, pembacaan dan kajian yang mendalam dapat menambahkan lagi kefahaman saya terhadap bab ini.

BAB 2: TEORI-TEORI ETIKA

Sepanjang mempelajari bab ini, saya dapat memahami prinsip-prinsip asas dalam teori etika. Menurut pemahaman saya, dua jenis teori etika utama adalah teori etika klasik dan teori etika moden. Teori etika klasik mengutamakan penjelasan Teori kebaikan dan Teori Teleologi manakala teori etika moden mengutamakan penjelasan Teori Deontologi, Teori keadilan dan Teori Hak Asasi.

Semasa menghadiri kuliah, pensyarah telah memberikan banyak contoh yang asalnya dari kehidupan harian kita, cerita dongeng dan berita untuk membantu kita mempelajari bagaimana mengaplikasikan teori-teori etika dalam kehidupan harian kita. Contoh-contoh yang diberi oleh pensyarah telah menyebabkan saya sedar bahawa rupa-rupanya banyak perkara biasa yang berlaku dalam kehidupan adalah berkaitan rapat dengan teori etika. Salah satu contoh yang impresif adalah cerita Robin Hood yang mencuri harta orang kaya untuk membantu orang miskin. Cerita ini dikaitkan dengan teori utilitarianisme yang menyatakan jika sesuatu perkara itu membawa lebih banyak kesan baik daripada kesan buruk, maka tindakan itu adalah dibenarkan.

Dari segi cerita ini, saya mendapati kelemahan teori ini. Saya juga mempelajari bahawa teori-teori etika ini mempunyai kelemahan masing-masing. Seseorang mesti mempunyai nilai rasional dan bijak berfikir agar dapat menganalisis situasi dalam kehidupan harian serta mengaplikasi teori-teori etika dengan betul.

Dalam bab ini, saya mempunyai kesusahan untuk mengingat teori-teori etika dengan jelas kerana teori-teori ini mempunyai penjelasan yang agak serupa. Saya kadang-kala menghadapi kekeliruan apabila belajar teori-teori ini.

BAB 3: ETIKA DALAM KEPELBAGAIAN TAMADUN: ISLAM & MELAYU

Dalam Bab 3, saya telah mempelajari Tamadun Islam bermula dari zaman pemerintahan Nabi Muhammad S.A.W. Nabi Muhammad S.A.W merupakan nabi yang terakhir dan dipercayai bahawa tidak akan ada lagi nabi di dunia ini.

Saya juga telah mempelajari perbezaan al-quran yang menyatakan prinsip-prinsip dan etika dalam Islam secara umum dan al-sunnah yang menjelaskan prinsip-prinsip dan etika dengan lebih jelas. Contohnya, dalam al-quran, dikatakan bahawa setiap orang Islam diwajibkan untuk bersembahyang, manakala dalam al-sunnah, prinsip praktis dan budaya islam secara teliti diterangkan dengan lebih jelas dan teliti seperti menyatakan cara yang betul untuk bersembahyang.

Dalam agama islam, sentiasa dipercayai bahawa semasa seorang manusia dilahir, manusia itu seperti kain putih, suci dan tidak berdosa, tetapi kemudian dicorak oleh persekitaran sekelilingnya. Ini membawa maksud manusia dilahir tidak berdosa dan etika seseorang itu akan dipengaruhi oleh persekitarannya. Etika mestilah selari dengan agama, yang menggalakkan kebaikan. Etika membincang kedua-dua dimensi positif dan negatif. Kita haruslah memahami apa yg betul dan apa yang salah.

Selain itu, saya juga memahami nilai amanah dari segi agama Islam. Contohnya, seperti dalam video yang ditayang oleh pensyarah, bapa memadamkan lampu semasa anaknya datang untuk bertanya isu keluarga. Bapa menerangkan dia bertindak sebegini adalah kerana lampu ini hanya digunakan bagi tujuan bekerja. Oleh itu, apabila anaknya datang untuk bertanya soalan yang tidak berkaitan dengan pekerjaannya, bapa berasa dia perlu guna lampu sendiri. Dari video ini, saya telah mendapat kesedaran bahawa niat membuat sesuatu adalah sangat penting sebagai seorang yang amanah. Kita juga perlu beramanah terhadap orang lain, contohnya semasa bekerja dalam sektor perkhidmatan, kita tidak boleh bersikap perkauman dan hanya melayan kaum sendiri sahaja.

Nilai seterusnya yang telah saya pelajari adalah tolong-menolong. Hubungan antara muhajirin dan ansar merupakan contoh yang terbaik dalam penghayatan nilai ini. Ansar, penduduk tetap madina membantu dan menyambut kedatangan orang mekah yang berhijrah ke

madinah iaitu Muhajirin dengan mesra. Mereka memenuhi apa-apa keperluan yang diperlukan oleh Muhajirin, contohnya membenarkan mereka tumpang rumah, memberi makanan dan keperluan hidup, wang dan sebagainya. Sebagai balasan dan penghargaan kepada ansar yang menolong mereka, muhajirin bersikap kasih sayang, mesra, menghormati ansar dan mengekalkan hubungan sosial yang baik dengan mereka.

Saya juga mempelajari nilai pemurah. Contoh yang diuraikan di atas, iaitu tindakan muhajirin menghargai jasa baik ansar, juga dapat dikaitkan dengan nilai pemurah. Sikap muhajirin yang bersikap kasih sayang, mesra, menghormati ansar dan mengekalkan hubungan sosial yang baik merupakan sikap seorang yang pemurah.

Dengan mengaji subjek ini, saya mendapat satu peluang untuk memahami prinsip, nilai dan etika daripada agama lain. Saya telah mempelajari bahawa banyak nilai yang boleh kita menghayati dalam agama Islam di samping nilai-nilai yang saya huraikan di atas. Namun demikian, terdapat juga cabaran yang saya hadapi semasa penyediaan tugas refleksi untuk bab ini. Saya menghadapi kesusahan untuk memahami setiap prinsip, nilai dan etika dalam agama Islam yang terdapat dalam bab ini apabila pensyarah mengajar kerana ini merupakan satu ilmu pengetahuan yang baharu bagi saya. Saya memerlukan masa yang lebih panjang untuk berfikir dan menganalisis. Walaubagaimanapun, saya telah bertanya soalan, dan dengan bantuan pensyarah, saya telah memahami prinsip dan nilai-nilai dalam bab ini.

BAB 4: ETIKA DALAM KEPELBAGAIAN TAMADUN: CHINA, INDIAN & BARAT

Sebagai rakyat Malaysia yang hidup berbilang kaum, amatlah penting bagi kita untuk memahami dan menghayati etika dan peradaban sesuatu tamadun itu terutamanya tamadun Melayu, Cina dan India. Selain itu, pemahaman terhadap tamadun barat juga penting kerana negara ini pernah dijajah oleh British suatu ketika dahulu.

Isi pertama di dalam bab 4 ini adalah tentang tamadun Cina. Antara nilai murni yang saya peroleh dari tamadun ini ialah kita mestilah hidup bersatu padu bagi mewujudkan keharmonian hidup. Berdasarkan konsep Wu Lun, bagi mengekalkan kesepaduan di dalam hidup, amatlah penting untuk kita saling menjaga hubungan sesama masyarakat. Sebagai contoh, suami dan isteri perlulah saling melengkapi seperti konsep yin dan yang agar rumah tangga yang harmoni dapat dibina. Selain itu, hubungan diantara pemerintah dan rakyat juga perlu diambil berat terutamanya dikala negara sedang dilanda wabak ini, rakyat perlulah mengikut tuntutan kerajaan bagi membendung wabak yang sedang menular ini.

Kemudian, berdasarkan tamadun India, kita haruslah sentiasa mengamalkan sikap saling hormat-menghormati antara satu sama lain. Berdasarkan nilai etika tamadun india, konsep “Atithi devo bhava” boleh dijadikan contoh, iaitu walaupun tetamu itu merupakan musuh, adalah menjadi kewajipan kepada tuan rumah untuk memberi layanan terbaik bagi mereka. Hal ini diterapkan supaya hubungan yang renggang itu dapat diperbaiki semula. Konsep ini juga dapat diterapkan dalam kehidupan seharian sebagai seorang pelajar. Walaupun saling bermusuhan, amatlah penting bagi mereka untuk bersifat profesional dengan tidak menjadikan permusuhan itu sebagai penghalang untuk mereka menyempurnakan tugas yang diberi.

Seterusnya, nilai murni yang saya peroleh dari tamadun barat ialah kita haruslah tidak memungkiri janji supaya sentiasa diterima masyarakat. Berdasarkan nilai etika tamadun Rom,

seseorang itu perlulah memiliki nilai keperibadian yang mulia seperti bersikap jujur kerana ini dapat menjadikan seseorang itu berjaya didalam hidup disamping dihormati oleh masyarakat. Dikala negara sedang bergelut dengan isu politik, amatlah penting bagi pemimpin sedia ada untuk sentiasa menjelaskan janji-janji mereka yang dibahaskan semasa penyampaian manifesto agar rakyat tidak rasa tertipu diatas undian mereka.

Sepanjang pembelajaran saya tentang bab ini, terdapat pelbagai impak positif yang saya peroleh. Pertama sekali, saya amat kagum dengan keunikan tamadun-tamadun ini yang amat menitikberatkan nilai-nilai murni didalam kehidupan seharian mereka. Sebagai seorang yang berbangsa Melayu, saya lebih mengenali dan memahami cara hidup dan kepercayaan yang dipraktikkan oleh masyarakat berbangsa Cina dan India. Walaupun berlainan ajaran agama, saya dapat runtkaikan bahawa kerohanian didalam diri amatlah penting bagi membentuk peribadi yang mulia. Hal ini demikian kerana rata-rata agama menggalakkan penganutnya untuk melakukan sesuatu yang menjurus kearah kebaikan.

Akhir sekali, saya amat bersyukur diatas tunjuk ajar dan peluang yang diberi bagi mendalami intipati bab ini. Saya berharap agar saya dapat mengamalkan setiap nilai-nilai murni yang disampaikan didalam bab ini dengan sebaiknya.

BAB 5: KESEPADUAN NASIONAL

Bab ini telah membuka mata saya dengan lebih jelas tentang konsep kesepaduan sosial dan kesepaduan nasional. Saya juga dapat memperoleh banyak pengetahuan baharu tentang pentingnya kesepaduan didalam sesuatu masyarakat. Terdapat banyak nilai-nilai murni yang boleh dijadikan tauladan untuk diadaptasi oleh semua penduduk Malaysia demi mencapai matlamat negara yang harmoni dan aman.

Antara nilai-nilai murni yang dapat diperoleh selepas mempelajari dan meneliti bab Pemantapan Kesepaduan Nasional ini adalah pentingnya kesepaduan sosial di dalam sesebuah masyarakat. Menurut buku teks Penghayatan Etika dan Peradaban, kesepaduan sosial merujuk kepada satu proses yang menyatupadukan seluruh masyarakat dan negara supaya setiap anggota masyarakat dapat membentuk satu identiti dan nilai bersama serta memiliki perasaan cinta dan bangga kepada tanah air. Ini bermakna, jika kita tidak dapat mengamalkan konsep-konsep kesepaduan nasional, negara kita mungkin akan menjadi kucar-kacir sejurus akan memberikan imej yang buruk kepada negara-negara lain. Contoh isu semasa yang kita dapat kaitkan dengan perkara ini adalah bagaimana hebatnya negara New Zealand menangani wabak Covid-19 yang sedang menular di seluruh dunia ini. Di sebalik kejayaan luar biasa ini pastilah dengan adanya pemimpin dan komuniti yang bertanggungjawab dan memberi kerjasama sepenuhnya dalam membantu membasmi wabak ini. Menurut akhbar (Berita Harian,2020), setiap individu di New Zealand mempunyai ketegasan dan disiplin di setiap peringkat yang memainkan peranan penting yang membawa kepada kejayaan negara ini dalam mengawal penularan wabak tersebut. Sudah pasti, Malaysia juga mempunyai usaha yang kuat dalam menangani isu ini dan kita juga hampir berjaya dan pernah memperoleh kes harian sebanyak kosong kes hasil daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dilaksanakan oleh kerajaan dan dipatuhi oleh seluruh penduduk Malaysia pada awal tahun 2020 yang lalu. Namun,

usaha kita selama ini semuanya hanyalah sia-sia sahaja apabila parti-parti politik yang tidak bertanggungjawab terlalu gopoh untuk membuat pilihan raya disaat-saat sebegini. Ini telah menyebabkan masyarakat marah dan tidak mempunyai rasa hormat terhadap pemimpin-pemimpin ini. Pada saat ini, kita dapat saksikan di seluruh platform media sosial bahawa negara kita tidak lagi mempunyai kesepaduan sosial di antara pemimpin dan juga rakyat Marhaen bukan sahaja disebabkan isu pilihan raya tersebut, malah terdapat juga isu-isu lain yang membangkitkan lagi kemarahan rakyat seperti isu lubang jalan raya, dan juga isu banjir yang melanda negara kita ini.

Selepas meneliti dan mempelajari bab ini, dapat disimpulkan bahawa ia telah memberi kesan yang positif dari sudut intelektual dan juga psikologi. Bab ini telah menunjukkan betapa pentingnya pendedahan dan ilmu tentang kepentingan kesepaduan sosial dan perpaduan nasional. Dengan mempunyai pengetahuan tersebut, ia telah membantu saya untuk memupuk semangat kenegaraan dengan lebih mendalam di samping mempunyai kesepaduan sesama masyarakat tanpa mengira kaum, bangsa mahupun agama. Demi untuk mencapai negara yang aman dan makmur, rukun negara juga haruslah dijadikan sebagai teras budaya negara kita. Pengabaian terhadap rukun negara akan memberikan implikasi-implikasi yang buruk terutamanya dari segi perpaduan antara kaum. Dengan berpegang kukuh dengan prinsip-prinsip rukun negara, ia banyak membantu kita dalam menangani isu-isu perkauman terutamanya di era globalisasi ini di mana banyak tercetusnya perbalahan antara kaum di sosial media seperti Twitter yang kebanyakannya didominasi oleh generasi muda. Bab ini telah membuka mata saya bahawa pendedahan seperti ini amatlah penting dan haruslah dididik sejak kita kecil lagi.

Tambahan lagi, jurang sosial di Malaysia dapat dikurangkan apabila ramai orang mempunyai ilmu pengetahuan yang lebih mendalam dengan mempelajari bab ini. Ia telah mengajar saya bahawa terdapat banyak langkah dan amalan yang boleh membawa kepada

kesepaduan sosial seperti menganjurkan lebih banyak program yang melibatkan semua kaum dan bangsa. Melalui inisiatif ini, kita juga dapat saling mengenali dan memahami adat dan sikap sesuatu kaum tersebut sejurus dapat menjalin hubungan yang erat dan dapat mewujudkan semangat perpaduan. Isu-isu seperti menyalahkan sesama bangsa dapat dielakkan dengan adanya inisiatif seperti ini.

Akhir sekali, terdapat beberapa limitasi semasa menyiapkan tugas ini di mana agak sukar untuk saya dan ahli kumpulan bersama-sama membuat perbincangan memandangkan kami hanya dapat berhubung secara dalam talian sahaja. Selain itu, tugas ini agak sukar untuk dilaksanakan kerana tidak mempunyai buku teks Penghayatan Etika dan Peradaban secara fizikal dan sebaliknya hanya digunakan melalui Ebook. Ini membuatkan proses penyiapan tugas ini agak sukar dan mengambil sedikit masa tetapi masih boleh dilaksanakan dengan sempurna.

BAB 6: PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TIANG SERI ETIKA

& PERADABAN DI MALAYSIA

Bab ini membincang tentang sejarah, definisi dan konsep yang berkaitan dengan Perlembagaan dan peranan Perlembagaan Malaysia. Perlembagaan atau undang-undang ialah syarat sesebuah negara dipanggil “negara” yang patut dirujuk oleh setiap rakyat. Kita boleh dapat belajar dan menjelaskan tentang nilai-nilai murni keberanian dan bekerjasama yang ditunjukkan dalam kes Malayan Union. Pada masa awal, kita telah ditadbir oleh Brithis yang diketuai oleh Gabenor. Apabila ditadbir, kuasa Sultan dikurangkan lalu menjadi raja kehormat sahaja dan hal ehwal agama Islam dianggotai oleh Sultan tetapi Gabenor jadi pengerusinya. Dengan tindakan-tindakan yang dilakukan oleh Gabenor telah mengakibatkan masyarakat sedar tentang hak dan status mereka telah dicabuli. Pada akhirnya, sikap berani dan kerjasama masyarakat menyumbang tenaga berpakat untuk mengembalikan semula kuasa dan martabat Raja-raja dan status rakyat. Pada baru-baru ini, kita dapat lihat rakyat telah memindah sikap berani dan kerjasama daripada dahulu ke zaman kini, iaitu mengadang Covid-19 daripada manjangkit dan menyebarkan kepada orang lain. Rakyat masih mempunyai sikap seperti dahulu untuk bekerjasama untuk menyumbang tenaga kepada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksana oleh Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada bulan Mac 2020 tanpa mengasingkan kaum dengan kaum. Pada masa kini, rakyat Malaysia memainkan peranan setiap pihak masing-masing serta bekerjasama untuk mematuhi arahan dan prosedur PKP untuk menurunkan bilangan penjangkit supaya hidupan boleh balik ke seperti biasa.

Dalam bab ini telah memberi kita kesedaran bahawa sesemua jarak dan kesilapan yang dilaku supaya kita dapat belajar daripadanya serta tidak akan mengulangi kesilapan. Dengan melihat bekerjasama antara kaum serta akal, fikiran dan mental yang sentiasa tidak putus asa. Kalau tiada unsur tersebut dilahir dalam rakyat, sampai hari ini juga kita masih ditadbir oleh

negara lain. Unsur tersebut dapat menolong kita dalam kehidupan kita daripada banyak segi. Daripada segi psikologi, kita akan sentiasa mengingatkan kita sendiri untuk tidak berputus asa apabila menghadapi masalah dan akan membina mental yang kuat dengan secara tidak langsung. Seterusnya, intelektual adalah sangat penting supaya dapat melindungi orang ramai ke arah yang lebih baik dan terang dengan ilmu dan akal yang hebat. Dengan ini, kita dapat meningkatkan taraf hidup kita contohnya kemerdekaan tanah Malaya. Kalau tiada perlindungan yang amat hebat melindungi kita ke arah kemerdekaan, sampai hari ini juga kita masih ditadbir oleh negara lain.

Cabaran yang dihadapi adalah kita tidak dapat membincang dengan secara fizikal tetapi semua melalui internet. Seterusnya, apabila ramai menggunakan internet pada masa yang sama, akan mengakibatkan kelajuan internet dipengaruhi.

BAB 7: PENERAPAN ETIKA & PERADABAN DALAM BUDAYA **& KOMUNIKASI KONTEMPORARI**

Kemajuan dalam penggunaan teknologi di Malaysia telah memberi revolusi kepada peradaban dalam budaya dan komunikasi kontemporari, berdasarkan amalan kebebasan bersuara dalam konteks Malaysia telah memberi perspektif yang baik kepada saya setelah memahami kepentingannya yang sentiasa menjaga keharmonian dan keselamatan negara. Seterusnya, dalam penghuraian yang lebih mendalam mengenai konsep hiburan hedonistik dunia global hari ini, membuatkan saya untuk lebih berhati-hati dan merancang kehidupan harian dengan teliti supaya tidak terjerumus dalam aktiviti hiburan yang berlebihan tanpa memikirkan kesan burukannya. Hal ini kerana, gaya kehidupan yang hanya mementingkan keseronokan dapat merosakkan akhlak dalam jangka masa Panjang. contoh isu di akhabarkan di Berita Harian, dapati bahawa, seramai 26 individu sedang berhibur di pusat Hiburan di Nusa Bayu, Gelang Patah, walaupun Perintah kawalan pergerakan Pemulihan (PKPP) sedang dijalankan. situasi ini jelas menunjukkan, sifat hedonistik ada dalam diri mereka, dan tetap mengambil kesempatan untuk bersuka-ria, dimana orang lain sedang berjaga-jaga keatas wabak yang dilanda negara. kemudian, penggunaan media massa tidak lagi kekok didengarkini, terdapat banyak kebaikan yang boleh kita perolehi jika kita menggunakannya dengan cara yang betul, dalam topik ini saya dapat menanam sifat yang lebih sensitif, seperti mengetengahkan etika Ketika menggunakan media massa, iaitu dengan sentiasa menggunakan perkataan yang sopan dan tidak menyentuh isu-isu sensitif lagi. Antara cabaran yang saya hadapi dalam proses penyediaan dan menyempurnakan tugas ini adalah, saya mengambil masa yang agak lama untuk memahami konsep hedonistic, hal ini kerana, saya telah dibesarkan dengan adanya dan telah wujud elemen hiburan yang berlebihan dan tidak berlebihan. generasi kini, masyarakat telah pon melibatkan diri dalam unsur hedonistic dalam gaya hidup mereka. Saya berharap

pada masa akan datang, masyarakat contohnya, terciptanya konsert-konsert hiburan dan ada juga masyarakat yang berebut-berebut dan sanggup beratur dalam jangka masa yang panjang demi membeli pakaian kegemaran mereka di pusat membeli belah terutamanya generasi muda dapat mengimbangkan elemen hiburan dalam gaya kehidupan mereka , agar tidak cenderung kepada kerosakan akhlak dan perpaduan sosial masyarakat.

BAB 8: PERANAN ETIKA & PERADABAN MENDOKONG

TANGGUNGJAWAB SOSIAL

Antara nilai-nilai yang diperolehi daripada bab ini adalah nilai tanggungjawab sosial. Tanggungjawab sosial adalah keputusan yang diambil sebagai individu, pekerja, majikan, rakyat, professional bahkan ahli politik memberi impak kepada persekitaran sekeliling mereka, sama ada persekitaran sosial atau persekitaran fizikal. Jadi, setiap individu perlu mengamalkan tanggungjawab sosial sebagai rakyat atau ahli masyarakat. Sebagai contoh, kita sebagai ahli rakyat Malaysia haruslah mengamalkan nilai tanggungjawab sosial dengan mematuhi 5 asas prinsip Rukun Negara iaitu Kepercayaan kepada Tuhan, Kesetiaan kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-undang serta Kesopanan dan Kesusilaan.



Perdana Menteri kedua Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein pernah berkata 'Rahsia kesempurnaan Rukun Negara adalah pada amalannya, tanpa amalan, Rukun Negara akan menjadi secebis dokumen yang tidak mempunyai makna'. Dengan prinsip rukun negara, kita akan memiliki nilai tanggungjawab sosial yang tinggi dengan peka terhadap orang yang berada di sekeliling kita. Dalam masa menghadapi pandemik COVID-19 ini, setiap rakyat Malaysia haruslah melaksanakan peranan dan tanggungjawab masing-masing terutama semua arahan serta larangan yang ditetapkan demi keselamatan diri dan juga keluarga.

Bukan itu sahaja, nilai tanggungjawab sosial juga dapat dinampak dalam hospital kerana setiap doktor dan jururawat bersikap adil dengan menerima pesakit yang mempunyai penyakit lain seperti sakit jantung, cedera dan sebagainya walaupun bilik ICU tidak dapat mencukupi untuk menampung pesakit COVID-19 ini. Tiada pesakit yang diberi keutamaan kerana setiap nyawa begitulah penting.

Kesan-kesan yang saya dapat dari sudut intelektual serta psikologi adalah kita jangan mementingkan kepentingan diri sendiri sahaja dan abaikan kepentingan orang lain. Kita haruslah mempunyai nilai tanggungjawab sosial terhadap diri sendiri, ahli masyarakat dan pelajar yang mengutamakan kebaikan masyarakat, negara atau alam sekitar. Secara global, manusia juga mempunyai tanggungjawab ke atas kesejahteraan sosial bagi seluruh penduduk dunia. Hanya dengan cara ini, wujudnya keseimbangan antara peranan warga dan peranan negara dalam memastikan keharmonian dan kesejahteraan sosial dapat dikekalkan. Kita haruslah sentiasa melakukan pemeriksaan diri dan penghutungan diri agar menjadi individu yang mempunyai tanggungjawab sosial. Contohnya, pada masa wabak awal COVID-19, setiap keluarga membeli barang keperluan yang lebih sehingga kekurangan stok dan menyebabkan keluarga lain yang memang memerlukan barang keperluan tersebut tidak dapat mempunyai barang keperluan tersebut dan menghadapi kesusahan. Berdasarkan ayat al-Quran **"Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan.** (al-Ma'idah, 5: 2). Jadi, kita haruslah sentiasa memberi bantuan kepada orang lain dan memeriksa perlakuan diri adakah sesuai.

Cabaran yang saya menghadapi dalam proses penyediaan dan menyempurnakan tugas ini adalah terdapat banyak maklumat atau informasi yang palsu dan memberi konsep yang salah. Oleh itu, kita haruslah sentiasa mengkaji maklumat yang diperoleh terdahulu sebelum menggunakannya. Bukan itu sahaja, saya juga tidak dapat fokus untuk menyiapkan tugas ini sekali gus dan memerlukan masa yang panjang untuk menyiapkan tugas ini kerana mengalihkan perhatian kepada tugas lain seperti peperiksaan yang akan datang atau permainan dalam tablet

BAB 9: CABARAN KETERLESTARIAN ETIKA & PERADABAN

Terdapat pelbagai nilai murni yang diperoleh daripada bab ini. Antaranya ialah kita haruslah sentiasa bersyukur dengan apa yang ada di sekeliling kita. Bab ini telah mengajar saya untuk terus bersyukur dengan perkara yang berada di sekeliling saya kerana dapat hidup dan tinggal di dalam situasi yang aman dan tenteram. Negara ini iaitu Malaysia boleh dikatakan sebagai sebuah negara yang aman dan harmoni serta mempunyai ekonomi yang agak stabil. Hal yang demikian kerana kita mempunyai kerajaan, badan bukan kerajaan dan masyarakat yang telah bertungkus lumus dalam menjalankan tanggungjawab mereka sebagai seorang rakyat Malaysia bagi menjadikan negara Malaysia ini maju setanding dengan negara-negara maju yang lain. Sebagai contoh dari sektor sukan dan permainan, negara Malaysia telah menghantar seorang pemain muda bola sepak yang profesional bernama Luqman Hakim Shamsudin ke pasukan KV Kortrijk di negara Belgium untuk bermain bersama mereka sebagai salah seorang pemain kontrak pasukan tersebut. Perkara ini secara tidak langsungnya membawa imej negara Malaysia ke persada dunia apabila salah seorang pemain bola sepak Malaysia menandatangani perjanjian lima tahun pada bulan September tahun 2020 untuk bermain dalam salah sebuah negara Eropah yang maju. Contoh yang saya berikan tersebut ialah berkaitan dengan tajuk bab ini iaitu melestarikan peradaban negara kerana situasi tersebut dapat mengangkat darjat atau imej negara Malaysia. Hal ini kerana negara-negara lain akan berpendapat bahawa Malaysia mempunyai potensi untuk menjadi negara yang maju disebabkan oleh mereka dapat melihat bakat-bakat yang ditonjolkan oleh rakyat Malaysia. Oleh itu, perkara ini menimbulkan rasa kesyukuran di dalam diri saya kerana dapat menetap di negara yang rakyatnya mempunyai bakat yang bertaraf dunia dan ia membakar semangat anak-anak muda untuk mengikuti jejak langkah mereka.

Seterusnya, bab ini juga mengajar saya untuk mempunyai minda kelas pertama kerana ia merupakan salah satu strategi untuk membangun sebuah negara yang progresif dan berkemajuan. Minda kelas pertama boleh dikatakan seseorang itu mampu untuk berfikir dengan cerdas dan tidak menyebelahi mana-mana pihak. Seseorang yang mempunyai minda kelas pertama mampu untuk mengubah nasib dirinya. Dengan itu, sebuah masyarakat yang mempunyai minda kelas pertama mampu untuk membina sebuah negara yang moden dan aman. Seperti yang dipelajari dalam bab 9 ini, terdapat pelbagai cabaran yang diterangkan bagi melestarikan etika dan peradaban negara. Terdapat juga pelbagai cadangan yang ditujukan untuk mengharungi cabaran tersebut. Antaranya ialah mewujudkan atau memperbanyakkan lagi peluang pekerjaan kepada generasi muda. Perkara yang saya faham daripada cadangan tersebut ialah ramai generasi muda iaitu lepasan institusi pengajian tinggi pada masa kini merupakan penganggur. Menurut akhbar Berita Harian (Fahmy, 2019), negara Malaysia telah merekodkan seramai 516,600 penganggur daripada lepasan universiti disebabkan peluang pekerjaan yang berkurangan. Cadangan yang diberikan merupakan cadangan yang bernas untuk menjadikan sebuah negara itu moden dan maju kerana pertambahan peluang pekerjaan akan dapat meningkatkan lagi ekonomi negara. Untuk mempunyai minda kelas pertama, seseorang itu perlu menuntut lebih banyak lagi ilmu daripada pihak yang berautoriti agar ilmu yang diperoleh itu dapat digunakan untuk membangunkan negara. Kesimpulannya, bab ini telah mengajar saya untuk mempunyai pemikiran yang cerdas bagi mengekalkan keamanan dan kemajuan negara supaya negara akan terus maju dan tiada berlakunya konflik antara rakyat.

Subjek ini mengingatkan saya untuk menghargai tanah air kita atau negara kita iaitu Malaysia walau berada di mana sekalipun. Terjadinya negara ini disebabkan oleh masyarakat Malaysia mempunyai pelbagai nilai murni yang telah diterapkan dalam diri mereka sejak kecil lagi. Bermula daripada ibu bapa yang mengajar anak mereka sejak lahir dan dihantar ke sekolah untuk memperoleh lebih banyak lagi ilmu pengetahuan untuk menjadi seorang manusia yang

beretika dan mempunyai mentaliti yang moden untuk memajukan negara dari pelbagai aspek. Namun apa yang kita dapat lihat pada hari ini adalah perkara yang menyayat hati saya apabila bangsa sendiri yang tidak mahu memperjuangkan bahasa kebangsaan. Bahasa kebangsaan, iaitu bahasa Melayu yang telah lama digunakan di dalam negara Malaysia ini semakin hari semakin dilupakan. Sebahagian rakyat Malaysia berpendapat bahasa Melayu ini bahasa yang lapuk, hanya digunakan oleh orang yang kurang pendidikan seperti mereka yang tidak berupaya untuk bertutur dalam bahasa lain. Hal ini kerana bab ini bertajuk melestarikan etika dan peradaban dalam kalangan rakyat Malaysia.

Kita perlu mengekalkan atau mengingati perkara-perkara yang telah mendorong tanah air ini untuk mendapat gelaran negara Malaysia. Banyak juga kumpulan atau parti yang ditubuhkan bertujuan untuk memperjuangkan kebanggaan Malaysia. Sebagai contoh, Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya (PBMUM) ialah sebuah gerakan mahasiswa yang aktif berkembang dalam memperjuangkan bahasa kesusasteraan dan budaya Melayu. Pertubuhan ini menjalankan peranan yang penting dalam pembentukan bahasa Melayu yang moden yang kini dibudayakan di Malaysia dan negara seberang iaitu Singapura. Bahasa merupakan identiti sebuah bangsa itu, jika bangsanya sendiri yang tidak mengamalkan bahasa mereka, siapakah yang perlu diharapkan untuk membanggakan bahasa Melayu. Sejak kemasukan saya ke alam institusi pengajian tinggi ini, saya sentiasa berbahasa Inggeris apabila ingin bertutur dengan pelajar yang berasal daripada negara luar. Saya pernah terbaca seorang pelajar atau staf universiti saya yang mengemukakan pendapatnya tentang perkara ini. Pendapatnya berbunyi seperti apabila pelajar Malaysia yang meneruskan pelajaran ke luar negara seperti ke Jerman, Perancis atau Rusia, pelajar tersebut perlu menggunakan bahasa kebangsaan negara tersebut apabila ingin bertutur dengan pensyarah di sana. Tetapi apabila pelajar negara luar yang menyambung pelajaran ke negara Malaysia, seluruh ahli kelasnya perlu menggunakan bahasa Inggeris untuk membuat perbincangan. Perkara ini jelas bahawa

rakyat negara sendiri tidak mahu untuk memperluaskan penggunaan bahasa melayu. Walau bagaimanapun, saya sendiri apabila membuat perbincangan dengan pelajar luar negara, saya akan menggunakan bahasa campur iaitu Inggeris dan melayu supaya mereka mendapat gambaran berkenaan bahasa kebangsaan negara ini.

Cabaran yang saya hadapi ketika dalam proses penyediaan ialah saya tidak dapat berhubung dan membuat perbincangan bersama ahli kumpulan secara berkala. Hal yang demikian kerana negara Malaysia yang sedang dilanda wabak COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan dijalankan. Ahli kumpulan kami tidak dapat bersemuka untuk membincangkan huraian atau idea yang ingin diterangkan di dalam tugas ini. Kami hanya dapat untuk membuat perbincangan atas talian iaitu melalui aplikasi “WhatsApp” dan pertemuan di aplikasi “Google Meet”. Walau Bagaimanapun, ada di antara kami yang mempunyai masalah capaian Internet yang perlahan sehingga tidak dapat menyertai perbincangan atas talian yang diadakan pada hari berkenaan. Oleh yang berkenaan, setiap ahli kumpulan kami perlulah mengambil langkah inisiatif bagi menyempurnakan tugas ini dengan meluangkan masa yang lebih untuk mengulang kaji dan mencari bahan sendiri di laman sesawang.

Selain daripada itu, cabaran yang dihadapi ialah terdapat banyak maklumat atau informasi yang diletakkan di Internet berasal daripada sumber yang tidak sah dan palsu. Sebagai contoh, huraian yang ingin digunakan di dalam tugas ini merupakan huraian yang direka oleh sesetengah pihak agar orang ramai melayari laman sesawang mereka. Oleh itu, maklumat yang diperoleh haruslah dikaji dengan lebih mendalam dan membuat rujukan daripada mereka yang lebih mahir.

Rujukan:

- Fahmy, dan (2019). *EKSKLUSIF: Graduan, siswazah miskin, B40 sukar dapat kerja setimpal.* [online] Berita Harian. Available at: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/07/582258/eksklusif-graduan-siswazah-miskin-b40-sukar-dapat-kerja-setimpal>.